

Bahagian A
[40 markah]
Jawab **semua** soalan

1. Undang-undang bertulis merupakan salah satu ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka.

(a) Nyatakan **dua** undang-undang bertulis tersebut.

- (i)
- (ii).....

[2 markah]

(b) Jelaskan perkara yang terkandung dalam 1(a).

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Teliti petikan akhbar berikut.

Undang-undang mencerminkan aspirasi masyarakat, budaya, kepercayaan politik dan keadaan ekonomi. Kita menggunakan undang-undang bagi mengawal hubungan manusia antara satu sama lain dan menjadi mekanisme menyelesaikan pertikaian.

Sumber:Diubah suai daripada Berita Harian, 29 April 2015

Berdasarkan petikan tersebut, jelaskan kepentingan undang-undang kepada sesebuah negara.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

2. Pembentukan Malayan Union pada 1 April 1946 telah mengubah status Tanah Melayu daripada negeri naungan kepada negeri tanah jajahan.

(a) Nyatakan sebab British mengisytiharkan Malayan Union.

.....

.....

[2 markah]

(b) Jelaskan ciri-ciri perlembagaan Malayan Union.

.....

.....


.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Gambar berikut dikaitkan dengan penentangan Malayan Union.



Beri ulasan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

3. Perlembagaan Persekutuan menggariskan hak asasi bagi setiap warganegara Malaysia.

(a) Nyatakan **dua** kebebasan asasi berdasarkan Perlembagaan Persekutuan.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Terangkan kebebasan asasi di 3(a).

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) “Hak asasi manusia penting untuk menjamin maruah, kebebasan dan kesejahteraan hidup setiap individu dalam sesebuah negara.”

Sumber: Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

Ulasakan.

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

4. (a) Senaraikan dua laporan pendidikan kebangsaan selepas merdeka.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Jelaskan matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]



(c) Teliti infografik berikut.



Ulaskan maklumat yang terkandung dalam infografik tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

BAHAGIAN B*(60 markah)**Jawab tiga soalan sahaja.*

5. Persekutuan Tanah Melayu telah ditubuhkan secara rasmi setelah Raja-raja Melayu menandatangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

(a) Terangkan faktor penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948

[4 markah]

(b) Jelaskan ciri-ciri perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

[8 markah]

(c) Teliti poster berikut.



Huraikan mesej yang terkandung dalam poster tersebut.

[8 markah]

6. Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 merupakan peristiwa yang penuh pengertian bagi negara kita.

(a) Jelaskan maksud merdeka.

[4 markah]

(b) Jelaskan persiapan yang dilakukan oleh Jawatankuasa Fizikal bagi menjayakan upacara pemasyhuran kemerdekaan negara.

[8 markah]

(c) Teliti petikan berikut.

“Walaupun terpaksa meredah hujan dan berjalan kaki selama satu setengah jam untuk menuju ke lokasi pengisytiharan, namun saya tetap berasa puas”.

Itulah ungkapan veteran UMNO, Tan Sri Zaleha Ismail apabila diminta berkongsi pengalaman beliau ketika meraikan detik pemasyhuran kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 di Stadium Merdeka.

Semasa menunggu acara pengisytiharan dimulakan, beliau terasa lapar dan dahaga. “Zaman dahulu bukan seperti sekarang, tiada peniaga di luar stadium. Jadi terpaksa mengikat perut”, katanya.


“Sebaik sahaja Tunku Abdul Rahman melaungkan merdeka sebanyak tujuh kali, hanya perasaan sebak menguasai diri. Saya mengalirkan air mata kerana terlalu gembira dan sehingga hari ini, saya akan menangis setiap kali bercerita tentang detik bersejarah itu” katanya lagi.

Sebahagian petikan akhbar Utusan Malaysia, 03 September 2011

Jelaskan mesej yang terkandung dalam petikan dan kesan sekiranya generasi kini tidak menghayati peristiwa kemerdekaan negara.

[8 markah]

7. Rajah berikut menunjukkan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk memastikan kesejahteraan rakyat terjamin.



(a) Jelaskan kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam pembangunan sosioekonomi.

[6 markah]

(b) Terangkan strategi kerajaan untuk memastikan rakyat dapat memiliki rumah sendiri.

[6 markah]

(c) Jadual berikut merujuk kepada bentuk kerjasama kerajaan Persekutuan dan kerajaan Negeri.

Bentuk Kerjasama	Huraian
Pembangunan Infrastruktur	Kerajaan Persekutuan menyediakan peruntukan kewangan bagi pembinaan jalan raya, jambatan, sekolah, hospital dan kemudahan awam, manakala Kerajaan Negeri menyediakan tanah, kelulusan dan menyelaras pelaksanaan projek di negeri masing-masing.
Pendidikan	Kerajaan Persekutuan mengurus dasar pendidikan dan kurikulum, manakala Kerajaan Negeri membantu menyediakan tapak sekolah serta bekerjasama dalam pembangunan pendidikan di peringkat negeri.

Jelaskan kesan kerjasama tersebut terhadap pembangunan negara.

[8 markah]

8. Selepas pembentukan Malaysia pada tahun 1963, negara menghadapi pelbagai cabaran.

(a) Jelaskan cabaran dalaman yang dihadapi selepas pembentukan Malaysia.

[4 markah]

(b) Terangkan faktor pemisahan Singapura.

[8 markah]

(c) Teliti poster berikut.



Jelaskan harapan rakyat terhadap usaha kerajaan untuk memastikan pembangunan yang seimbang di seluruh negara.

[8 markah]



9. (a) Jelaskan isu tuntutan sempadan dan hak milik bertindih Malaysia dengan negara lain. [6 markah]
- (b) Terangkan peranan Malaysia dalam hubungan ekonomi antarabangsa berikut:
- (i) Kerjasama pembangunan ekonomi segi tiga [3 markah]
 - (ii) Menangani kemelesetan ekonomi [3 markah]
- (c) Teliti poster berikut.



Berikan ulasan anda. [8 markah]